

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH : **16 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 114

YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan insentif-insentif yang akan diberikan kepada pihak swasta untuk membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pangkor dan daerah Manjung, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam merencanakan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di sesuatu kawasan secara merentasi sektor.
2. Merujuk kepada soalan yang dikemukakan, Kerajaan menyediakan insentif-insentif yang sama melalui pelbagai agensi seperti yang diberikan kepada mana-mana pihak swasta yang terlibat dengan pembangunan sektor pelancongan di mana-mana bahagian di Malaysia.
3. Walau bagaimanapun, tiada cadangan untuk diwujudkan insentif khusus bagi pihak swasta yang terlibat dengan pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor mahupun Daerah Manjung, Perak.

Sekian, terima kasih.